

14 MAR 2004

Abdullah-Manifesto

BN MAHU MANDAT BESAR UNTUK JADIKAN NEGARA LEBIH CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mahu mendapatkan mandat besar daripada rakyat dalam pilihan raya kali ini untuk menjadikan negara cemerlang, gemilang dan terbilang di masa depan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kita mahu rakyat mengundi Barisan Nasional bagi masa depan negara," kata Perdana Menteri ketika melancarkan manifesto pilihan raya BN bertemakan "Cemerlang, Gemilang, Terbilang" di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Dengan kekuatan, keteguhan dan pengaruhnya, BN telah terbukti sebagai parti yang benar-benar mewakili semua kaum di negara ini.

"Parti ini mempunyai pengalaman lama dalam perjuangan membangunkan negara ini, memajukannya dalam semua bidang serta membawa kejayaan kepada rakyat tanpa mengira kaum atau agama yang dianuti," kata Abdullah, yang juga Pengerusi BN dan pemangku Presiden Umno.

Manifesto itu mencakupi perkara-perkara daripada ekonomi hinggalah pembangunan seimbang, pendidikan, agama, pembangunan sahsiah, akhlak dan nilai-nilai etika, undang-undang dan keselamatan awam, perkhidmatan awam dan dasar luar negara.

Abdullah berkata BN mempunyai keupayaan yang lebih besar berdasarkan pengalamannya yang luas termasuk menghadapi pelbagai cabaran dan krisis sepanjang mentadbir negara ini.

"Semua ini memberi kekuatan kepada kita untuk menjayakan apa yang kita hasratkan supaya Malaysia menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Setiausaha Agung BN Tan Sri Khalil Yaakob, para pemimpin parti-parti komponen BN serta isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood dan isteri Najib, Datuk Seri Rosmah Mansor hadir pada majlis itu. Malaysia akan menyaksikan

pilihan raya
umum pada 21 Mac ini.

Abdullah berkata pelbagai pendekatan yang diambil BN berupa "mesra rakyat" yang mengambilkira kehendak rakyat yang mahukan negara ini aman, stabil, makmur dan terus membangun dengan menyediakan banyak peluang bagi mereka meningkatkan taraf hidup.

"Kita juga memberi jaminan kepada rakyat bahawa hak-hak mereka akan sentiasa dipertahankan, keluhuran perlembagaan akan tetap dijunjung, kedaulatan undang-undang akan tetap dipelihara," katanya.

Beliau berkata bagi menentukan masa depan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang, langkah-langkah yang perlu diambil termasuk membasmi rasuah serta mengambil tindakan untuk pembangunan seimbang dalam negara dengan memastikan kawasan bandar dan luar bandar mendapat nikmat pembangunan.

"Kita juga mengambil pendekatan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam yang diberikan oleh kerajaan...kita mahu sistem penyampaian khidmat awam itu diperbaiki dan ditingkatkan," katanya.

BN juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan luar bandar serta pembangunan pertanian untuk mewujudkan sumber-sumber kekayaan baru serta sumber-sumber pendapatan tambahan untuk faedah rakyat.

Beliau memberi jaminan kepada sektor swasta bahawa ia akan terus diberi galakan supaya dapat melaksanakan peranan lebih berkesan sebagai jentera pembangunan ekonomi negara.

Abdullah berkata BN juga mahu mengubah minda rakyat supaya mereka boleh mencapai kejayaan lebih baik dan lebih berdaya saing untuk menghadapi cabaran di masa depan.

"Tekanan akan diberikan tentang betapa perlunya mutu pendidikan ditingkatkan supaya anak-anak muda diberi keupayaan lebih hebat, berilmu pengetahuan, mempunyai maklumat, berkemahiran dan mempunyai tahap profesional yang tinggi supaya mereka menjadi penyumbang besar ke arah pembangunan negara," katanya.

Golongan wanita akan juga dilibatkan dalam pembangunan pada tahap yang lebih besar, kata Abdullah, yang pertama kali mengetuai BN dalam pilihan raya umum sejak mengambil-alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun

Dr

Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

"Barisan Nasional adalah parti yang mengutamakan kepentingan rakyat dan menyokong kehendak rakyat untuk menikmati pembangunan yang lebih hebat," katanya.

"Kita menekankan dalam manifesto kita betapa perlunya kita memandang ke hadapan," katanya sambil meminta rakyat bersama-sama BN melaksanakan cita-cita negara.

Sebanyak tiga juta salinan dalam tujuh versi -- bahasa Melayu dalam rumi dan jawi, bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan untuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak dalam bahasa Kadazan dan Iban -- telah dicetak.

Setelah berakhirnya penamaan calon semalam, BN akan bertanding di semua 205 kerusi Parlimen dan 497 kerusi dewan undangan negeri yang masih menjadi rebutan.

Gabungan 14 komponen itu sudahpun memenangi 14 kerusi Parlimen dan tujuh kerusi negeri tanpa bertanding manakala Pas meraih satu kerusi negeri di Johor tanpa bertanding.

Seramai 10.28 juta rakyat Malaysia layak mengundi pada 21 Mac ini.

-- BERNAMA
AZZ AZZ PR